

PROGRAM PENUKARAN BAKI AUTOMATIK (ABC) UOB

TERMA DAN SYARAT

Berkuatkuasa 1 Ogos 2019

Am

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") akan digunakan untuk Program Penukaran Baki Automatik (*Auto Balance Conversion* atau ABC) United Overseas Bank (Malaysia) Bhd ("Program"), dan perlu dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOBM ("Perjanjian Ahli Kad").

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang sama seperti di dalam Perjanjian Ahli Kad.

Kelayakan

1. Program ini dibuka kepada pemegang kad kredit utama UOBM terpilih yang memenuhi kriteria kelayakan dalam Program ("Ahli Kad yang Layak").
2. Kriteria kelayakan untuk mendaftar dengan Program adalah seperti di bawah:
 - i. Rakyat Malaysia; dan
 - ii. Mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada atau sama dengan RM5,000; dan
 - iii. Membuat pembayaran balik purata sebanyak 10% atau kurang daripada baki tertunggak beliau dalam tempoh 12 bulan yang lalu; dan
 - iv. Mempunyai baki minimum belum dibayar sekurang-kurangnya RM1,000.
3. Individu seperti berikut tidak layak menyertai Program ini:
 - i. Individu yang tidak siuman atau menjadi tidak siuman, meninggal dunia, dihukum bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka; dan
 - ii. Individu yang mempunyai akaun semasa dengan UOBM yang ditamatkan atau dalam proses untuk ditamatkan, ditutup, tertunggak, didaftarkan ke dalam program pengurusan hutang dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (atau juga dikenali sebagai AKPK) atau distruktur semula.

Program

4. Ahli Kad yang Layak akan didaftarkan secara automatik ke dalam Program. Di bawah Program ini, baki tertunggak kad kredit Ahli Kad yang Layak akan ditukar kepada pelan ansuran tetap untuk tempoh 36 bulan pada kadar faedah rata sebanyak 7% setahun (kadar faedah berkesan 12.83% setahun).

Berikut adalah contoh penukaran kepada Program ini akan dijalankan untuk Ahli Kad yang Layak:

**Tarikh Pendaftaran/
Tarikh Penyata
Semasa**
1 Ogos 2019

**Tarikh Penyata
yang Berikutnya**
1 September 2019

**Tarikh Penyata
Bayaran Perlu
Dibayar yang
Berikutnya**
21 September 2019

Tarikh Penukaran
25 September
2019

(Penukaran kepada Program ini hanya akan berlaku pada tarikh penyata berikutnya)

Baki Penyata: RM10,000 (bayaran perlu dibayar pada 1 September 2019)
Bayaran Minimum Perlu Dibayar: RM500 (bayaran minimum mesti dipenuhi supaya penukaran boleh dilakukan)
Jumlah yang Ditukar: RM9,500 (baki yang tinggal akan ditukar pada 25 September 2019)
Kadar Faedah setahun: 7% setahun
Keseluruhan Jumlah Faedah: $RM9,500 \times 7\% \text{ setahun} = RM665$

5. Ahli Kad yang Layak akan dimaklumkan terlebih dahulu mengenai pendaftaran dan penukaran kepada Program melalui SMS.
6. Setelah permohonan diluluskan, jumlah yang sama daripada Had Kredit Ahli Kad akan diperuntukkan untuk tujuan ini dan baki Had Kredit tersedia akan dikurangkan dengan sewajarnya. UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang ditolak oleh pedagang akibat Had Kredit yang tidak mencukupi.
7. Semasa tempoh pembayaran balik, jumlah tersebut akan dibayar balik melalui jumlah ansuran yang sama ("Bayaran Ansuran"). Bayaran Ansuran akan didebitkan dengan serta-merta daripada Akaun Kad Kredit berikutan kelulusan permohonan Program, dan akan ditunjukkan dalam Penyata Akaun bulan berikutnya, dan perlu dibayar menurut Perjanjian Ahli Kad. Apabila setiap Bayaran Ansuran dibayar balik, jumlah yang bersamaan dengan pembayaran yang dilakukan akan dipulihkan dalam Had Kredit Ahli Kad.
8. Tiada faedah tambahan akan dikenakan jika Bayaran Ansuran dibayar sepenuhnya pada atau sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibayar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Akaun. Jika Bayaran Ansuran tidak dibayar sepenuhnya pada Tarikh Bayaran Perlu Dibayar, akaun akan menjadi tertunggak dan kadar faedah terkawal yang lazim akan dikenakan ke atas baki ansuran yang masih belum dibayar pada tarikh perlu dibayar menurut Perjanjian Ahli Kad sehingga jumlah ansuran diselesaikan sepenuhnya.
9. Jika mana-mana atau kombinasi yang berikut berlaku, jumlah tertunggak di bawah Program akan terhutang dan perlu dibayar dengan serta-merta, termasuk caj kewangan dan bayaran lewat yang berkenaan seperti dalam Klausa 11 Perjanjian Ahli Kad, dan perlu dibayar menurut Perjanjian Ahli Kad:
 - i. Terdapat pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini
 - ii. Sesuatu peristiwa keingkaran berlaku menurut Perjanjian Ahli Kad
 - iii. Kelewatan atau kegagalan membayar Bayaran Ansuran atau apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar di bawah Program
 - iv. Kegagalan untuk membayar sebarang wang pada tarikh perlu dibayar atau melaksanakan sebarang kewajipan atau liabiliti yang perlu dibayar dari semasa ke semasa kepada UOBM atau untuk mana-mana kemudahan perbankan/kredit
 - v. Program ditamatkan atas apa-apa sebab sekalipun
 - vi. Kad Kredit ditamatkan atau Akaun Kad Kredit ditutup atas apa-apa sebab sekalipun
 - vii. Ia menjadi mustahil atau tidak sah bagi UOBM untuk menyediakan atau terus menyediakan Program
10. Ahli Kad yang Layak dibenarkan untuk memilih keluar daripada Program ini selepas menerima SMS tentang pendaftaran bagi Program ini tertakluk kepada UOBM menerima notis bertulis atau secara lisan daripada Ahli Kad Layak.
11. Ahli Kad yang Layak diberi tempoh bertenang selama 30 hari untuk penukaran pertama.
12. Kami boleh menilai dan menukar baki tertunggak kad kredit baru Ahli Kad yang Layak (jika ada) selepas 12 bulan sejak pendaftaran terakhir, tertakluk kepada kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam klausa 2 & 3.
13. Penalti tidak dikenakan untuk penyelesaian awal bagi mana-mana pelan ansuran.
14. UOBM berhak untuk menamatkan, menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, pada budi bicara mutlak, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui

paparan pada laman web UOBM, penampilan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun.

15. Apa-apa perubahan kepada fi dan caj boleh dilakukan oleh UOBM dengan memberikan notis 21 hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad.
16. UOBM tidak bertanggungjawab dan menafikan semua liabiliti terhadap sebarang tindakan, tuntutan, kerugian, ganti rugi, kos, caj, dan perbelanjaan yang mungkin dialami, dihadapi atau ditanggung oleh Ahli Kad disebabkan oleh penyertaan/tiada penyertaan dalam Program.
17. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.